



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)



SALAHUDDIN (kanan) mengangkat bakul berisi pelbagai barang keperluan bagi menandakan pelancaran Inisiatif Pengurusan dan Perangan Bakul Rahmah di sebuah pusat beli-belah di Kuching.

Pertimbang wujud insurans rahmah

Kuching: Kerjaan terbaik untuk memperbaik Inisiatif Rahmah kepada sektor perbankan dan insurans.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, satu program libat urus dengan pihak bank akan diadakan dalam masa terdekat bagi membincangkan perkara itu.

"Saya bercerdang untuk berjumpa dengan mereka (pemain industri perbankan) dan membuat satu sesi libat urus.

"Manakah tahu (melalui libat urus itu) akan ada pokok-pa-

kej tertentu daripada pihak bank dan insurans yang ingin ditawarkan kepada rakyat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Inisiatif Menu Rahmah peringkat Sarawak di sini.

Menu Rahmah adalah inisiatif kerajaan dalam membantu dan mengurangkan kos sarahidup rakyat terutama golongan memerlukan untuk mendapatkan makanan bermasak selimbing pada harga RM5 dan ke bawah.

Menu Rahmah adalah inisiatif yang diperlombori oleh syarikat swasta secara sukarela.

**“
Saya bercerdang untuk berjumpa dengan mereka (pemain industri perbankan)
Salahuddin**

KERAJAAN TELITI INSURANS RAHMAH

■ Kerajaan sedang mempertimbang saranan supaya golongan belia di negara ini diberikan perlindungan insurans mampu milik serendah RM50 yang dikenali sebagai Insurans Rahmah bagi memastikan golongan itu dilindungi jika mengalami kejadian tidak diingini.

■ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub memberi jaminan akan mengumumkan mekanisme Insurans Rahmah berkenaan sebaik sahaja program libat urus dengan pihak insurans dan bank yang membincangkan isu itu selesai diadakan dalam masa terdekat.

■ Pada masa yang sama, pakar menyarankan kerajaan menyediakan sumbangan caruman insurans sebanyak 20 hingga 25 peratus kepada belia yang bekerja sendiri, selain menggalakkan majikan menawarkan perlindungan insurans mampu milik yang lebih kompetitif.



LAPORAN KHAS

Ikuti laporan wartawan Sinar Harian RAIHAIW MOHD SANJU dan NURFARDINA IZZATI MOKTAR di muka 2

Kaji insurans Rahmah untuk belia

Kerajaan pertimbang perluas inisiatif Rahmah kepada segmen insurans

SHAH ALAM

Kerajaan akan mempertimbang solusinya supaya golongan belia diberikan perlindungan teknakal dan insurans mampu milik, atau Insurans Rahmah serendah RM50 dengan manfaat lebih kompetitif bagi memastikan keselamatan dan kebaikan golongan itu dilindungi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, saranan itu seiring dengan hasrat kerajaan yang mahu memperluas inisiatif Rahmah



kepada sektor perbankan dan insurans.

"Saya sedang memikirkannya (saranan berkenaan) tapi perkara itu juga perlu dibincangkan dengan pihak insurans dan bank. Jadi bila-lah libat urus berkenaan diadakan terlebih dahulu kemudian saya akan umumkan nanti."

"Saya bercadang selepas tamat sesi sidang Parlimen, saya akan segera buat satu sesi libat urus dengan pihak insurans dan bank untuk membincangkan tentang pokok atau skim insurans yang bagaimana akan diperkenalkan termasuk kepada golongan belia dan orang muda hari ini," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Ahad.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan muka depan Sinar Ahad yang menyarankan kerajaan menyediakan perlindungan

takaful atau insurans mampu milik serendah RM50 kepada golongan belia berumur 18 hingga 25 tahun khususnya yang kurang berkecukupan.

Langkah itu perlu kerana ramai anak muda ketika ini tidak memiliki insurans sekali gus terdedah risiko sekitarannya berlaku kemalangan yang menyebabkan mereka terpaksa mengeluarkan wang sendiri yang banyak untuk perubatan atau hilang upaya kerja dan tidak mampu bekerja.

Salahuddin terdahulu pada Sabtu dilaporkan berkata, kerajaan terbuka untuk memperluas inisiatif Rahmah kepada sektor perbankan dan insurans.

Mengulas lanjut, Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulai menjelaskan, pertimbangan akan dibuat untuk memastikan kebaikan rakyat diaga, setidak-tidaknya perlu ada satu skim yang melindungi kesihatan mereka.

"Yang pentingnya libat urus itu mestilah diadakan terlebih dahulu supaya ada persefahaman dan perbincangan dengan pihak yang berkaitan."

"Apa yang penting, menurusi konsep Rahmah yang dicadang

untuk diperluaskan ini, rakyat akan mendapat manfaat," tegar beliau lagi.

Katanya, inisiatif berkenaan juga diharap dapat meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan setiap individu memiliki perlindungan insurans.

KPDN mula memperkenalkan Menu Rahmah pada 31 Januari lalu yang menawarkan makhan

tengah hari dan malam serendah harga RM5 dengan lebih 15,000 premis menyahut kempen tersebut.

Sajian itu merangkumi nasi, sayuran dan-satu pilihan protein sama ada ayam, daging atau ikan.

Inisiatif itu dijangka diperluas kepada Raya Rahmah menjelang Aidilfitri kira-kira dua bulan lagi.



Selepas Menu Rahmah yang dilancarkan 31 Januari lalu, kerajaan akan mengkaji cadangan untuk mewujudkan Insurans Rahmah.

untuk diperluaskan ini, rakyat akan mendapat manfaat," tegar beliau lagi.

Katanya, inisiatif berkenaan juga diharap dapat meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan setiap individu memiliki perlindungan insurans.

KPDN mula memperkenalkan Menu Rahmah pada 31 Januari lalu yang menawarkan makhan

Assurance on Menu Rahmah quality

KOTA BARU: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry in Kelantan has issued an assurance that the Menu Rahmah introduced by 30 stall operators in the state is of good quality.

Its Kelantan director Azman Ismail said the dishes offered at the premises involved were the same as before the initiative was introduced.

"On its quality, we are actually eating the same thing. What is offered at the price of Menu Rahmah is also offered for other regular meals. There is no difference in quality."

"In terms of cleanliness and quality, the relevant departments such as the Kota Baru Municipal Council and the Health Ministry have confirmed that they would ensure health and safety are monitored," he told a press conference after a visit to Ayang Kafe here yesterday.

Azman also said 31 stall operators in Kota Baru, Pasir Mas and Tumpat have registered with the ministry as of Saturday to offer Menu Rahmah. - Bernama

Menu Rahmah pelan jangka masa pendek

Oleh MARLISA ANTONY
marlisa.antonny@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Menu Rahmah hanyalah pelan jangka masa pendek untuk membantu rakyat berpendapatan rendah sedangkan apa yang perlu difokuskan adalah strategi meningkatkan pendapatan mereka.

Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, tidak dinafikan Menu Rahmah membantu mengurangkan beban rakyat berpendapatan rendah tetapi ia sukar bertahan lama.

Katanya, berdasarkan kajian, terdapat keluarga yang hanya mampu menyimpan RM90 daripada gaji mereka selepas ditolak semua perbelanjaan harian termasuk makanan untuk seisi keluarga.

“Jadi kewujudan Menu Rahmah ini dapat membantu meningkatkan simpanan atau boleh digunakan untuk perkara lain.

“Namun rakyat perlu sedar bahawa Menu Rahmah hanya penyelesaian sementara untuk kurangkan perbelanjaan kerana kos sara hidup yang lain masih tinggi,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak sedia berbincang dengan kementerian lain mengenai pelaksanaan program Menu Rah-



Rakyat perlu sedar bahawa Menu Rahmah hanya penyelesaian sementara untuk kurangkan perbelanjaan kerana kos sara hidup yang lain masih tinggi.”

AHMED RAZMAN ABDUL LATIFF

mah yang dikhawatiri tidak mampu bertahan lama.

Ini susulan kegelisahan peniaga terhadap peningkatan harga bahan mentah.

Katanya, keuntungan juga berkurangan untuk peniaga yang memperkenal Menu Rahmah yang menjadi antara penyebab inisiatif itu sukar bertahan.

“Saya percaya kerajaan mencari penyelesaian lebih komprehensif untuk menangani isu ini dalam pembentangan Bajet 2023.

“Keluarga berpendapatan rendah pula perlu meningkatkan kemahiran mereka dan mencari pekerjaan lebih stabil untuk kualiti hidup yang lebih baik,” katanya.



AZMAN Ismail (kanan) bersama Norhazelizan Mamat menunjukkan Menu Rahmah yang dijual di Ayang Cafe, Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

31 kedai makan di Kelantan jayakan Menu Rahmah

Oleh ROSLIZA MOHAMED/PIX
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Sebanyak 31 premis menjual makanan termasuk kafe di negeri ini sudah menjayakan program Menu Rahmah sejak ia diperkenalkan 31 Januari lalu.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Kelantan, Azman Ismail berkata, daripada jumlah tersebut, jajahan Kota Bharu merekodkan penglibatan tertinggi iaitu 21 premis kedai manan dan kafe.

"Selebihnya di Pasir Mas (tiga), Tanah Merah (tiga),

Gua Musang (dua) dan masing-masing satu di Tumpat serta Ayer Lanas, Jeli.

"Kita tidak menyasarkan jumlah Menu Rahmah, namun berharap lebih ramai peniaga makanan termasuk pemilik kafe menjayakan hasrat kerajaan ini. Alhamdulillah setakat ini, kita menerima maklum balas baik daripada peniaga mengenai konsep menu ini," katanya semasa memperkenalkan Menu Rahmah di Ayang Cafe, di sini, semalam.

Azman percaaya para peniaga dapat menjaga dan mengenalkan kualiti makanan yang disajikan kepada

para pelanggan.

Sementara itu, pemilik Ayang Cafe, Norhazelizan Mamat, 45, berkata, Menu Rahmah adalah salah satu usaha baik kerajaan yang perlu disokong oleh peniaga makanan di negara ini.

Katanya, usaha ini adalah salah satu bentuk perkongsian bagi membantu pelanggan menikmati hidangan serendah RM5.

"Saya sebenarnya sudah lama memperkenalkan hidangan seakan-akan Menu Rahmah melibatkan nasi atau roti bersama minuman pada harga RM3 hingga RM5 sejak tahun 2018," ujarnya.

31 premis sedia Menu Rahmah

KOTA BHARU - Sebanyak 31 kedai dan kafe di negeri ini menyediakan Menu Rahmah di premis mereka sejak diperkenalkan pada 31 Januari lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, kedai makan dan kafe di daerah Kota Bharu disenaraikan paling banyak menyediakan menu berkenaan iaitu sebanyak 21 premis.

Menurut beliau, daerah lain yang turut disenaraikan ialah masing-masing tiga kedai makan di Pasir Mas dan Tanah Merah, dua di Gua Musang selain masing-masing satu di daerah Tumpat dan Jeli.

"Kita menerima banyak maklum balas daripada peniaga yang mahu mengetahui mengenai konsep Menu Rahmah," katanya kepada pemberita selepas memperkenalkan menu itu di Ayang Cafe pada Ahad.

Beliau memberitahu, pengenalan Menu Rahmah memberi peluang kepada golongan B40 untuk menikmati hidangan dengan harga berpatutan.

31 kedai makan di Kelantan tawar menu harga RM5

KOTA BHARU — Sebanyak 31 buah premis menjual makanan termasuk kafe di Kelantan terlibat dalam program Menu Rahmah sejak kempen itu diperkenalkan pada 31 Januari lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, daripada jumlah itu, kedai makan dan kafe di daerah Kota Bharu merekodkan penglibatan paling banyak dalam menawarkan Menu Rahmah iaitu sebanyak 21 buah premis.

"Selain itu, tiga premis di Pasir Mas, Tanah Merah (tiga premis), Gua Musang (dua premis) dan masing-masing sebuah di Tumpat dan Jeli yang menyahut inisiatif kerajaan menerusi menu tersebut.

"Kita tidak meletakkan sebarang sasaran bilangan premis yang menawarkan Menu Rahmah, namun berharap lebih ramai peniaga makanan ter-

masuk pemilik kafe menyahut kempen ini," katanya selepas memperkenalkan Menu Rahmah di sebuah kedai makan popular di sini semalam.

Azman memberitahu, sejak ini, pihaknya menerima maklum balas positif daripada peniaga mengenai konsep makanan menerusi Menu Rahmah.

Selain itu, katanya, peniaga yang menyertai kempen ini juga dilihat menjaga aspek kualiti makanan yang disajikan kepada pelanggan.

"Kita akan terus memberi penerangan kepada pemilik premis makanan berkaitan inisiatif kerajaan menerusi Menu Rahmah," ujarnya.

Sementara itu, pemilik sebuah kafe yang memperkenalkan Menu Rahmah, Norhazelizan Mamat, 45, berkata, ia salah satu usaha baik kerajaan yang perlu disokong oleh peniaga makanan.



AZMAN (tengah) bersama Norhazelizan (kiri) menunjukkan hidangan Menu Rahmah di Kota Bharu semalam. — ROSLIZA MOHAMED

Menu Rahmah solusi bebas inflasi



DARIPADA
AKHBAR-
TAKBAR TAMIL
JAGATHESWARY NARAYANAN

Santapan ‘bejot’ diperkenalkan sebagai Menu Rahmah berharga RM5 hasil inisiatif Kerajaan Perpaduan bermula 31 Januari lalu telah membuka ruang solusi baharu dalam usaha menangani krisis inflasi makanan dan lonjakan harga barang yang terus menghantui seluruh rakyat di negara ini.

Akhbar harian Tamil, Malaysia Nanban melaporkan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) baru-baru ini telah membongkar-karkan pada Januari lepas harga sayur-sayuran di pasaran tempatan telah melonjak kepada 160 peratus.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader menyatakan harga beberapa jenis sayuran telah menyaksikan kenaikan cukup mendadik misalnya daripada antara RM4.50, RM6 dan RM7 se-kilogram naik sehingga RM10, RM12 serta RM16 sekilogram.

Mohideen turut mengingatkan bahawa harga setiap jenis sayur-sayuran itu di pasaran bukui mengalami kenaik-

an harga yang luar biasa.

Senario lonjakan harga sayur-sayuran itu pastinya merumitkan lagi beban yang dipikul golongan B40 dan juga M40 serta menyukarkan kelangsungan hidup untuk menjamur makanan serba sihat dalam harga yang murah mungkin berpututan.

Mohideen mengesyorkan Kementerian Perdagangan-Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) segera menyiatis isu kenaikan harga sayur-sayuran itu sekali gus mengambil tindakan sejawarnya terhadap para peniaga yang dengan sengaja mengambil untung secara berlebihan.

Perbutuan para peniaga itu juga boleh diklasifikasi sebagai tindakan bercanggah kepada Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 yang bertindak sebagai benteng penghalang kepada mana-mana peniaga memalukan harga secara sewang-wawangnya.

Justeru Malaysia Nanban turut menghangsi dan berpendapat pelancaran inisiatif Menu Rahmah RM5 itu adalah tepat pada waktunya di mana rakyat jelata terutama yang berstatus pendapatan B40 dan miskin tegar dapat menikmati sajian ‘bejot’ enak serta sihat.

Inflasi makanan boleh dikatakan serba sedikit telah merampas ‘kemewahan’ yang dinikmati golongan B40 untuk mampu membeli makhanan di restoran pada harga berpututan.

Dengan pelancaran Inisiatif Menu Rahmah RM5 itu, rakyat jelata daripada golongan B40 tidak lagi menghadapi kesukaran untuk membeli makanan di restoran mengikut kemampuan mereka.

Menyatakan ini, Menteri KPDN Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, lebih 15,000 restoran daripada tujuh persatuan pengusaha makanan dan minuman telah memberi komitmen untuk menawarkan Menu Rahmah di premis masing-masing.

Menu Rahmah yang berharga semurah RM5 itu menyediakan hidangan makan tengah hari atau makan malam merangkumi nasi, satu pilihan protein iaitu ayam atau ikan dan sayuran yang ditawarkan istimewa untuk golongan B40.

Jelas Malaysia Nanban lagi, ketika krisis inflasi makanan; sajian tengah hari di mana-mana restoran tempatan sudah ditetapkan dalam lingkungan harga RM7 hingga RM10.

Sebelum ini, orang ramai mampu ber kunjung ke restoran untuk menikmati sajian biasa yang berharga RM5, namun kini mereka tak dapat berbuat demikian disebabkan inflasi makanan.

Pengusaha restoran juga menungut bahan-bahan kenaikan harga bahan mentah di pasaran tempatan mengakibatkan mereka terpaksa meningkatkan harga menu makanan yang telah membebankan para pengguna dalam kalangan B40.

Inisiatif Menu Rahmah RM5 itu merupakan mendapat pujaan dan penghargaan daripada rakyat. Malaysia mungkin keberkesanannya solusi itu untuk jangka masa panjang harus diteiti oleh pihak kerajaan.

Ujar Malaysia Nanban bahawa harga RM5 untuk makanan dan minuman masih diklasifikasi sebagai harga kurang mampu untuk golongan miskin dan miskin tegar.

Berkaitan itu, pihak kerajaan, KPDN, pengusaha restoran, peniaga, pemborong dan sebagainya perlu mengenal pasti masalah luntang yang menghalang penurunan lonjakan harga barang secara natural dan meyelesaikannya pada kadar segera.

Malaysia diberatkan sebagai ‘syurga’ santapan pelbagai etnik dan kaum di rantau Asia dan rakyatnya juga sudah sebatи dengan tradisi makanan variasi cita rasa daripada masakan Melayu, Cina, India mahupun kuliner dari Sabah dan Sarawak serta kolonial.

Penyelesaian muktamad amat diperlukan bagi menangani ancaman lonjakan harga barang serta kerajaan turut memperkenalkan inisiatif berkecuali bagi mengembalikan kemampuan rakyat jelata untuk menikmati kehidupan bebas inflasi makanan.

*Jagatheswary Narayanan ialah penulis bebas di Johor

Menu Rahmah ringankan beban wanita berkerjaya



Oleh Nor Najihah Nerafand
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah
Universiti Teknologi
MARA (UiTM) Perak

Dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow, makanan sebagai keperluan fizikal menjadi perkara paling atas. Manusia perlu memenuhi tuntutan asas tersebut dahulu sebelum sampaikan melangkah ke keperluan lebih tinggi.

Tidak hairanlah itu makanan sentiasa menjadi keutamaan setiap pihak dari peringkat nasional hingga global termasuk sebagai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), iaitu keseimbangan dan kelapanan sifat.

Ia perlu diambil kira untuk memahami inisiatif Menu Rahmah dilancarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sebagai antara penekatan meringankan kos sara hidup.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub menjelaskan Menu Rahmah diperkenalkan sebagai hidangan seimbang merangkumi nasi, satu pilihan

protein, iaitu ayam atau ikan dan sayuran dengan harga serendah RM5.

Sebahagian rakyat memerlukan makanan siap masak pada harga murah, sekali gus menyediakan golongan sasar seperti B40 dan pelajar memerlukan makanan seimbang.

Sebenarnya, ia juga boleh menjadi serampangan banyak mata seperti meringankan beban wanita bekerja. Perlu diakui cabaran wanita bekerja dan berkeluarga sangat besar kerana perlu menjalankan hal ehwal rumah, termasuk makanan.

Dengan Menu Rahmah, betan wanita membentuk 54.3 peratus dalam sektor pokok jasa dapat dikurangkan kerana tidak lagi perlu bimbang makhan seimbang.

Inisiatif ini juga menyasarkan pelajar yang perlu berjimat cormat tidak kira di bandar maupunuar bandar. Mereka memerlukan wang belanja untuk keperluan pembelajaran, apatah lagi bidang teknikal tertutru.

Sebahagian pelajar terpaksa mengikat perut de-

ngan mengambil makanan tidak berkhasiat seperti mi segera atau tidak mencukupi.

Dengan Menu Rahmah, pelajar dapat membeli makanan berkhasiat dengan harga mampu milik. Ini bukan sahaja membebankan keluarga B40, bahkan kategori M40, tetapi memiliki adik beradik ramai.

Bagaimanapun, sebaik mana sekalipun senatu itu, kita perlu akui pasti ada banyak tidak enak termasuk perwalaan kualiti makanan disedihakan peniaga, selain merugikan sesetengah pihak pada jangka panjang.

Oleh itu, setiap pihak perlu mencari penyelesaian menang-menang, manakala setiap itu berbangkit mestilah dijalankan dan diawasikan dengan baik.

Agarai lagi, 2023 dijadikan sebagai tahun getir hingga setiap tindakan perlu mengambil kira semua golongan tanpa ada tercibir.

Hakikinya, itu kecukupan dan keseimbangan makanan yang turut menjadi keimbangan global mendorong pengenalan Menu Rahmah, sekali gus memastikan ia tidak terjaya di sebalik usaha kerajaan mengatasi peningkatan inflasi serta kenaikan kos sara hidup.

Menu Rahmah di UMK elak pelajar 'ikat perut', berjimat

BACHOK — Pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Bachok di sini, dapat mengelak daripada 'mengikat perut' selepas mampu mengurangkan perbelanjaan harian selepas Menu Rahmah diperkenalkan di kafeteria kampus itu bermula Junin lalu.

Perkenalan Menu Rahmah itu membolehkan pelajar berjimat untuk menikmati hidangan makan tengah hari pada Ahad hingga Jumaat dengan hanya berbelanja RM4.90 berbanding lebih RM10 sebelum ini.

Pelajar Jurusan Teknologi Kreatif dan Warisan yang berasal dari Kuala Lumpur, Anis Ayuni Shabril, 22, berkata, Menu Rahmah yang diperkenalkan itu banyak membantu pelajar khususnya

daripada keluarga berpendapatan rendah, untuk meneruskan pengajian.

Katanya, ia sekali gus dapat mengelakkan pelajar 'mengikat perut' untuk berjimat.

"Ramai pelajar sebelum ini terpaksa mengikat perut apabila mereka makan harga sehari sekali untuk berjimat. Apabila kafeteria UMK menyediakan Menu Rahmah, ia memberi peluang kepada mereka untuk menikmati hidangan lengkap pada harga berpatutan," katanya ketika ditemui Kosmo di sini kelmarin.

Pelajar Jurusan Teknologi Kreatif dan Warisan yang berasal dari Kuala Lumpur, Anis Ayuni Shabril, 22, berkata, Menu Rahmah yang diperkenalkan itu banyak membantu pelajar khususnya



JUN YIT (kiri), Amiraah (tengah) dan Anis Ayuni menunjukkan hidangan Menu Rahmah yang mereka beli di kafeteria UMK Kampus Bachok kelmarin. —TOREK SULONG

jar, terutamanya daripada aspek kewangan.

Katanya, hidangan nasi, lauk, sayur dan air sisap yang dijual pada harga RM4.90 merupakan sajian lengkap apabila kuantitiinya cukup untuk hidangan bepagi hari.

"Saya sendiri sudah tidak membeli makaran tengah hari di kawasan kampus selepas Menu Rahmah diperkenalkan di kafeteria. Saya ambil nasi dalam kuantiti banyak bersama lauk, namun harganya cuma RM4.90" ujarnya.

Dalam pada itu, pelajar Fakulti Bahasa dan Ilmu Sosial, Amiraah Henna Halim, 23, berkata, inisiatif yang diperkenalkan menerusi Menu Rahmah amat membantu dalam mengurangkan perbelanjaan harian.

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : _____


ISNIN

TARIKH : _____

20/2/2023

M/SURAT : _____

16



- Ayam RM7.99
- Daging Lembu Tempatan RM36
- Daging Lembu Import RM50.90

- Telur Gred A RM13.50
- Ikan Kembung RM12
- Minyak Masak 6.65

- Gula Pasir RM2.84
- Bawang Besar Holand RM3.29
- Bawang Putih RM4.99

- Cili Merah RM10
- Kubis Bujat Tempatan RM3.99
- Tepung Gandum RM3.35

*Harga (RM/kg) - Tarikh 20/2/2023



KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)

20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)

INDUSTRI KREATIF DI MALAYSIA

Mengukuh kesedaran hak cipta

Bersama
Ts Dr Megat
Al Imran Yasin

ara baru ini menjadi perdebatan hangat di kalangan pemain industri apabila pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) menjadikan salah satu syarat kepada pembentangan cadangan (pitching) kandungan program televisyen kepada RTM oleh penerbit adalah sijil notifikasi hak cipta MyIpo (Perbadanan Harta Intelek Malaysia).

Sijil notifikasi hak cipta daripada Perbadanan Harta Intelek (MyIpo) ini adalah satu pemberitahuan sukarela (notifikasi) tentang hak cipta (copyright) sesuatu karya itu kepada MyIpo bagi membuktikan hak cipta kandungan tersebut dimiliki oleh pengkarya dan juga pemegang hak cipta komersial terhadap karya tersebut.

Apa yang cuba dilaksanakan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKDI) dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Sara Hidup adalah langkah baik demi pembangunan industri kandungan kreatif dalam memastikan harta intelek melalui hak cipta ini dilindungi dan tidak dieksloitasi agar tidak timbul di kemudian hari masalah tentang pemilikan hak pengkarya serta hak komersial kandungan kreatif.

Kerajaan Pergaudian melalui Kementerian Komunikasi dan Digital dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Sara Hidup mencuba melaksanakan satu sistem di mana pengkarya dan penerbit membuat pemberitahuan (notifikasi) dan pendaftran tentang hak milik karya mereka agar pemilikan hak cipta direkod secara tetarut sebelum sebarang aktiviti pengkomersialan secara persendirian atau bersama penerbit itu dilaksanakan.

Pengarang tentunya golongan pengkarya dan industri seharusnya berterima kasih kepada kerajaan atas inisiatif ini bagi memastikan semua karya dilindungi sebelum pengkomersialan.

Kita telah mendengar terlalu keras di dalam media pengkarya seperti perialis, pengaruh seperti Allayraham Tan Sri P Ramlee berhadapan masalah apabila karya mereka dikait keuntungan secara berat sebelah oleh penerbit dan syarikat yang mempunyai hak komersial ke atas filem dan ciptaan mereka.

Usaha ini tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa intervensi dan polisi kerajaan dan agensi seperti MyIpo dan Finas sebagai agensi bertanggungjawab terhadap pembangunan industri kreatif.

Akibatnya pemain industri kreatif seperti Allayraham Tan Sri P Ramlee tidak dapat mewariskan hasil titik peluh idea kreatif dalam bentuk harta yang bernilai kepada ahli keluarga dan generasi mereka. Mereka hanya layak dalam limpahan lampu di pentas glamor tetapi hidup susah dan miskin di akhir usia.

Zaman dahulu mungkin kesedaran atau literasi pemain industri kreatif kita terhadap perlindungan hak cipta agak terbatas. Tiada saluran maklumat serta kefahaman tentang ini. Mereka tidak menyedari tentang kewujudan Konvensyen Antara bangsa seperti Bern Convention 1886 yang diperkenalkan di Switzerland dan diratifikasi oleh kerajaan Malaysia pada 28 Jun 1990 melalui Konvensyen Berne untuk Perlindungan Karya dan Kerja Artistik (Berne Convention for the Protection of Literary and Artistic Works).

Konvensyen ini memberi perlindungan kepada pekerja seni selama 50 tahun hak cipta sebagai pengarang (author right). Manakala kepada hak komersial (commercial right) kepada penerbit untuk memperdagangkan karya tersebut dalam tempoh tertentu mengikut perundangan dan juga kontrak persejualan kedua-dua belah pihak.

Menurut konvensyen antara bangsa hak pengkarya sebagai penghasil dan pencipta idea tidak boleh dipadam atau dipinda tanpa mendapat kebenaran dan persetujuan

mereka. Setiap kandungan idea dalam bentuk nama, logo, watak yang dicipta boleh didaftarkan sebagai harta intelek yang dilindungi Akta Hak Cipta.

Kesedaran hak cipta ini perlu selanjutnya diperluaskan kepada pemain industri kandungan kreatif termasuk individu dan syarikat agar berunding dan berersetu sedari awal lagi tentang hak pengkarya dan hak komersial penerbit tentang pembahagian royalti serta komisyen (commissioning).

Apa yang perlu difahami oleh setiap pengkarya bahawa walaupun dia telah menyerahkan hak komersial karya tersebut kepada syarikat hak pengkarya (author right) tetapi ia masih selama 50 tahun di mana nama beliau sebagai pengkarya asal tidak boleh dipadam oleh penerbit sekitar karya tersebut dikemukakan kepada penerbitan berikutnya. Langkah kerajaan menyusun dengan sistem teratur mengikut konvensyen antarabangsa melalui agensi Badan Perlindungan Harta Intelek (MyIpo) bukan bermujuan menyusahkan tetapi demi mengangkat dan melindungi karya kreatif ini daripada dieksplorasi secara tidak adil oleh mana-mana pihak.

Cuma lebih kemas lagi kerajaan perlu bersama memastikan setiap agensi kerajaan seperti stesen televisyen swasta dan kerajaan serta penerbit memastikan juga bukan sekadar hak pengkarya (author right) itu dibormati malah diagihkan keuntungannya melalui

royalti dan juga sistem komisyen (commissioning) yang adil dan sahaja tanpa merugikan sesiapa. Sudah tiba masanya stesen televisyen kerajaan dan swasta beranding dari semasa ke semasa dengan pemain industri kreatif tempatan termasuk persatuan penerbit, persatuan artis pekerja kandungan kreatif termasuk yang lebih bersifat menang menang kepada setiap pemain industri. Di negara maju seperti di Hollywood Amerika Syarikat, United Kingdom dan Eropah mereka sentiasa mengadakan perbincangan semula tema (negotiation) tentang perkongsiuan dan pembahagian royalti dan komisyen kepada pihak terlibat dalam hasil usaham kandungan kreatif filem dan video.

Usaha ini tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa intervensi dan polisi kerajaan dan agensi kerajaan seperti MyIpo dan Finas sebagai agensi bertanggungjawab terhadap pembangunan industri kandungan kreatif.

Dalam era digital kerajaan perlu memperluaskan kecerdasan buatan (artificial intelligence) dan juga analisis big data yang boleh mengesan setiap hak royalti dan komisyen semula pihak yang mempunyai hak terhadap karya tersebut dengan cepat, pantas dan dipercaya integriti maklumatnya.

Penulis pensyarah Jabatan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan mantan Timbalan Ketua Pengarah Finas

dialog kotaraya oleh juragan





MEDIA ONLINE (KPDN)

20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)

BERITA ONLINE BERTARIKH 20 FEBRUARI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
20-Feb	No govt subsidies for Menu Rahmah, says Salahuddin	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/02/19/no-govt-subsidies-for-menu-rahmah-says-salahuddin/	FMT
20-Feb	No government subsidies for Menu Rahmah despite rising cost of goods, says Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/19/no-government-subsidies-for-menu-rahmah-despite-rising-cost-of-goods-says-salahuddin/55648	MALAYMAIL
20-Feb	Tiada subsidi Menu Rahmah walau kos bahan mentah naik, kata Salahuddin	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/19/tiada-subsidi-menu-rahmah-walau-kos-bahan-mentah-naik-kata-salahuddin/	FMT
20-Feb	31 premis di Kelantan sedia Menu Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/245932	SH
20-Feb	31 kedai makan di Kelantan serta Menu Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/937627/31-kedai-makan-di-kelantan-sertai-menu-rahmah	HM
20-Feb	Kualiti makanan Menu Rahmah di Kelantan terjamin	https://m.malaysiakini.com/news/655627	MALAYSIAKINI
20-Feb	Kualiti makanan Menu Rahmah di Kelantan terjamin	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2165753	BERNAMA
20-Feb	31 kedai makan di Kelantan serta	https://youtu.be/5DNYnRG1LIs	HM
20-Feb	Kualiti Menu Rahmah Di Kelantan Terjamin - Azman Ismail	https://www.getaran.my/artikel/semasa/41048/kualiti-menu-rahmah-di-kelantan-terjamin-azman-ismail	GETARAN
20-Feb	Quality of Menu Rahmah in Kelantan assured, says ministry	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/19/quality-of-menu-rahmah-in-kelantan-assured-says-ministry	THESTAR

20-Feb	31 kedai makan tawar Menu Rahmah di Kelantan	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/57660-31-kedai-makan-tawar-menu-rahmah-di-kelantan	BERITARTM
20-Feb	31 premis makanan di Kelantan jayakan Menu Rahmah	https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/31/premis-makanan-di-kelantan-jayakan-menu-rahmah/	UM
20-Feb	31 kedai makan, kafe di Kelantan tawar Menu Rahmah	https://www.kosmo.com.my/2023/02/19/31-kedai-makan-afe-di-kelantan-tawar-menu-rahmah/	KOSMO
20-Feb	Salahuddin: 38 eateries throughout Sarawak currently offer Menu Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/19/salahuddin-38-eateries-throughout-sarawak-currently-offer-menu-rahmah/55667	MALAYMAIL
20-Feb	Salahuddin: Rahmah initiative may include banking, insurance sectors	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/19/salahuddin-rahmah-initiative-may-include-banking-insurance-sectors/55652	MALAYMAIL
20-Feb	Ubah suai tangki minyak kereta, seludup petrol	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/245949	SH
20-Feb	Penyeludup lari tinggal kereta bawa muatan 150 liter petrol	https://www.kosmo.com.my/2023/02/19/penyeludup-lari-tinggal-kereta-bawa-muatan-150-liter-petrol/	KOSMO
20-Feb	Kaji insurans Rahmah untuk belia	https://premium.sinarharian.com.my/article/226551/fokus/semasa/kaji-insurans-rahmah-untuk-belia	SH

20-Feb	Menu Rahmah solusi bebas inflasi	https://premium.sinarharian.com.my/article/226555/mediasi-kritis/perspektif/menu-rahmah-solusi-bebas-inflasi?_gl=1*1r86sgt*_ga*YW1wLTRwaVIHOVVCMUgwZENOV05ZY21MR3ZFNXIJVXhZR3hNSUxoZEgyb3kzOFJNUnVmZWs0c1FjZlI1MllidHpRZjY.	SH
20-Feb	Salahuddin: 38 eateries throughout S'wak currently offer Menu Rahmah	https://www.theborneopost.com/2023/02/19/salahuddin-38-eateries-throughout-swak-currently-offer-menu-rahmah/	THEBORNEOPOST
20-Feb	Minister: Rahmah initiative may include banking, insurance sectors	https://www.theborneopost.com/2023/02/19/minister-rahmah-initiative-may-include-banking-insurance-sectors/	THEBORNEOPOST